



برونئي دارالسلام سترال بڠطا
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

NATIONAL
SAVINGS DAY

FAEDAH PEMBAYARAN DIGITAL

Berikutan perkembangan teknologi, pengurusan kewangan secara digital telah menjadi lebih penting dan relevan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan digital, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sukacita mengongsikan artikel bersiri yang mengetengahkan perkhidmatan kewangan digital di Negara Brunei Darussalam.

Walaupun wang tunai masih digunakan secara meluas di Negara Brunei Darussalam, pembayaran secara digital semakin sering digunakan. Dalam artikel ini, kami akan mengongsikan pelbagai manfaat pembayaran digital termasuk kemudahan, keselamatan dan sebagainya.

Berikut adalah beberapa manfaat menggunakan pembayaran digital:

1. Kemudahan yang berleluasa

Bayangkan awda boleh membuat pembayaran bagi barang-barang keperluan dan bil atau mengirim wang kepada rakan tanpa perlu mencari dompet awda atau melawat bank. Itulah kelebihan pembayaran secara digital. Dengan hanya penggunaan kad, atau ketikan pada telefon pintar atau komputer, awda boleh membuat transaksi dengan segera pada bila-bila masa dan di mana pun juga. Awda tidak perlu beratur dan rasa bimbang membawa wang tunai.

2. Mengurangkan kebimbangan risiko keselamatan

Membawa wang tunai datang dengan risiko. Jika dompet awda hilang atau dicuri, kemungkinan besar wang awda juga akan hilang. Walau bagaimanapun, dengan pembayaran digital, wang awda dilindungi oleh beberapa lapisan keselamatan. Perkembangan teknologi dan langkah pengesahan sekarang menyukarkan penjenayah siber untuk mengakses dana awda. Selain itu, ciri-ciri seperti pengesahan biometric, One-Time Password (OTP) dan token keselamatan juga bertujuan untuk memastikan hanya awda mempunyai akses kepada akaun awda. Oleh itu, pembayaran digital juga boleh mengurangkan risiko tekanan membawa wang tunai dan membawa ketenangan fikiran.

3. Pantau perbelanjaan awda dengan mudah

Selain itu, pembayaran digital juga boleh memberi rujukan kepada tabiat perbelanjaan awda. Kebanyakan aplikasi digital perbankan boleh menunjukkan semua transaksi awda. Dengan ini, awda boleh membuat perubahan terhadap perbelanjaan awda dan membuat keputusan wang yang bijak.

4. *Go Green, Go Digital!*

Selain kemudahan dan faedah keselamatan, pembayaran digital juga menawarkan kelebihan dan kebaikan bagi alam sekitar. Dengan mengurangkan penggunaan wang kertas serta cek, transaksi digital membantu menjimatkan sumber semula jadi dan mengurangkan pelepasan karbon yang berkaitan dengan percetakan dan pengangkutan wang fizikal. Oleh itu, apabila awda memilih pembayaran digital, awda bukan sahaja memudahkan kehidupan awda, awda juga membantu alam sekitar!

Selaras dengan pergerakan global ke arah pengurangan penggunaan wang tunai, pembayaran digital merupakan evolusi masa depan. Sama ada awda dikalangan belia atau warga emas, pembayaran digital adalah pilihan yang bijak jika awda ingin menguruskan wang dengan lebih mudah dan memastikan keselamatan wang awda.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi 8318388 atau e-mel di info@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 1 Zulhijjah 1445H/ 8 Jun 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/7